

# EKUINAS teroka sektor penjagaan kesihatan

» Pelaburan sulung bernilai RM79.8 juta dalam 2 firma

Oleh Nurhayati Abillah

nurhayatiabllah@bh.com.my

**E**kuiti Nasional Bhd (EKUINAS), syarikat pengurusan dana ekuiti persendirian berkaitan kerajaan, meneroka sektor penjagaan kesihatan menerusi pelaburan sulungnya bernilai RM79.8 juta dalam dua firma pentadbiran tuntutan perubatan pihak ketiga (TPA).

Pelaburan itu dibuat menerusi pengambilalihan 60 peratus kepentingan ekuiti dalam Kumpulan MediExpress (Medi-Express), yang terdiri daripada MediExpress (Malaysia) Sdn Bhd dan Health Connect Sdn Bhd, dan juga 60 peratus ekuiti dalam PMCare Sdn Bhd (PMCare).

TPA adalah syarikat yang bertindak sebagai penghubung antara pengguna, pembiaya perubatan dan penyedia perkhidmatan kesihatan, dengan memanfaatkan pertumbuhan pasaran penjagaan kesihatan dan insurans kesihatan.

Memperincikan langkah terbaru itu, Pengurusinya, Raja Tan Sri Arshad Raja Tun Uda, berkata sektor penjagaan kesihatan adalah salah satu daripada enam sektor sasaran EKUINAS yang dikenal pasti untuk pelaburan.

Pasaran TPA, jelas beliau, membentuk subsektor yang pantas berkembang dengan saiz dianggarkan bernilai RM100 juta serta dijangka mencatatkan pertumbuhan 10 peratus setahun untuk mencecah angka RM156 juta menjelang tahun 2019.

## Syarikat peneraju

“Secara bersama, kedua-dua syarikat menyediakan landasan bagi EKUINAS untuk mewujudkan sebuah penyedia perkhidmatan TPA yang utama di Malaysia dan di peringkat serantau sejarar dengan mandat EKUINAS untuk melahirkan syarikat peneraju pasaran generasi baharu,” katanya dalam satu kenyataan di Kuala Lumpur, semalam.

MediExpress ialah sebuah Organisasi Penjagaan Terurus (MCO) yang mengendalikan TPA untuk syarikat insurans dan segmen perusahaan kecil dan sederhana (PKS), manakala PMCare ialah penyedia perkhidmatan TPA milik Bumiputera, yang memberi tumpuan kepada segmen pelanggan korporat.

Dua syarikat itu dijangka akan

digabungkan pada masa hadapan di bawah sebuah syarikat induk, bagi mewujudkan penyedia perkhidmatan TPA yang terbesar di Malaysia dengan 40 peratus pasaran dan lebih daripada dua juta ahli.

Sementara itu, mengulas mengenai pelaburan terkini EKUINAS, Ketua Pegawai Eksekutifnya, Datuk Abdul Rahman Ahmad, berkata EKUINAS bercadang untuk memanfaatkan kekuatan setiap syarikat bagi menyediakan perkhidmatan tambah nilai kepada pelanggan.

“Ia sejajar dengan mandat EKUINAS untuk membina kumpulan syarikat peneraju industri dalam sektor pertumbuhan tinggi. Ini akan dilakukan menerusi landasan teknologi tinggi milik syarikat untuk terus



*EKUINAS bercadang untuk memanfaatkan kekuatan setiap syarikat bagi menyediakan perkhidmatan tambah nilai kepada pelanggan”*

**Abdul Rahman Ahmad,**  
Ketua Pegawai Eksekutif EKUINAS

meluaskan perniagaan mereka dan membantu perkembangan syarikat di peringkat serantau,” katanya.

## 14 kapal

Menerusi kenyataan sama, EKUINAS turut mengumumkan pelaburan lanjutan berjumlah RM70 juta dalam Orkim Sdn Bhd (Orkim) untuk membantu syarikat itu membiayai pembelian tiga Kapal Tangki Produk Petroleum Bersih.

Sehingga kini, Orkim memiliki 14 kapal, sekali gus menjadi kannya penyedia pengangkutan CPP terbesar di Malaysia, dengan anggaran bahagian pasaran sebanyak 24 peratus.

Selain itu, pada Disember 2014, EKUINAS juga membuat komitmen pelaburan sebanyak RM346.3 juta untuk memperoleh kepentingan 95.5 peratus dalam Orkim sebagai sebahagian dari pada strategi untuk membina kumpulan syarikat pengangkutan dan logistik bagi produk petroleum hiliran terkemuka di rantau ini.

Justeru, menerusi pelaburan dalam sektor penjagaan kesihatan dan pelaburan susulan yang berjumlah RM149.8 juta itu beserta pelaburan di bawah Program Penyumberan Luar, EKUINAS sudah melaksanakan 38 pelaburan sejak ditubuhkan.